



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
MALAYSIA



---

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN KESIHATAN DAN  
PERLINDUNGAN INSURANS BAGI PELAJAR ANTARABANGSA**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memastikan keseragaman dalam pelaksanaan pemeriksaan kesihatan dan perlindungan insurans bagi pelajar antarabangsa oleh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Oktober 2007 telah bersetuju supaya:
- (a) Kementerian Pengajian Tinggi mewajibkan **pemeriksaan kesihatan** bagi pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS); dan
  - (b) setiap pelajar antarabangsa di IPTA dan IPTS diwajibkan memiliki **insurans kesihatan**.
- 2.2 KPT mendapati bahawa pelaksanaan pemeriksaan kesihatan untuk kemasukan pelajar antarabangsa dan perlindungan kesihatan ke atas pelajar yang sedia ada adalah tidak seragam antara IPT. Justeru, bagi memastikan keseragaman dalam pelaksanaan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri serta kebajikan pelajar terjamin, KPT telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan pihak berkepentingan bagi menghasilkan kriteria, syarat-syarat dan garis panduan pemeriksaan kesihatan dan insurans kesihatan pelajar antarabangsa.

### 3. SYARAT

- 3.1 Berikut adalah syarat-syarat bagi menjalankan **pemeriksaan kesihatan** pelajar antarabangsa:
- (a) Pemeriksaan kesihatan diwajibkan kepada semua calon bukan warganegara yang akan belajar dan tinggal di negara ini melebihi tempoh 6 bulan.
  - (b) Pemeriksaan kesihatan hendaklah menggunakan dan memenuhi borang '*Health Examination Report for International Student*' seperti di **Lampiran A**.
  - (c) Laporan pemeriksaan perubatan yang boleh diterima hendaklah berdasarkan pemeriksaan yang dibuat dalam tempoh 60 hari sebelum sehingga 30 hari selepas mendaftar pengajian.
  - (d) Pemeriksaan dan ujian boleh dibuat di luar negara Malaysia selagi mana ia memenuhi perkara (b) dan (c).
  - (e) IPT berhak untuk menjalankan ujian dan pemeriksaan semula sebahagian atau keseluruhan ujian yang telah dijalankan bagi tujuan semakan kesahihannya.
  - (f) IPT hendaklah merujuk **Lampiran B** untuk carta alir Pengurusan Pemeriksaan Kesihatan Pelajar Antarabangsa di IPT Malaysia dan **Lampiran C** untuk Syarat-syarat Kesihatan Bagi Tujuan Kemasukan Pelajar Antarabangsa dan tindakan yang perlu diambil oleh IPT berdasarkan jenis penyakit atau masalah yang dikenal pasti.
  - (g) Kos pemeriksaan, ujian dan laporan sama ada pemeriksaan asal mahupun pemeriksaan semula adalah tanggungan pelajar.
- 3.2 Bagi **insurans** pelajar antarabangsa, KPT tiada halangan sekiranya IPT melantik mana-mana syarikat atau agen insurans yang berdaftar di bawah Kementerian Kewangan untuk tujuan tersebut. IPT hendaklah memastikan bahawa pakej yang ditawarkan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam '*schedule of benefits*' seperti di **Lampiran D**.
- 3.3 KPT menetapkan bahawa kemudahan-kemudahan berikut **wajib** disediakan dalam pakej insurans kepada pelajar antarabangsa, iaitu:
- (a) Kemudahan pesakit luar (*Outpatient*);
  - (b) Kemudahan pesakit dalam (*Inpatient*);
  - (c) Kemalangan persendirian dan kematian (*Personel accident and death*); dan
  - (d) Repatriasi (*Repatriation*).

- 3.4 KPT menggalakkan supaya perlindungan insurans disediakan kepada ahli keluarga atau pengiring yang menetap dengan pelajar melebihi 6 bulan. Walau bagaimanapun, ia bergantung pada pilihan pelajar dan tidak diwajibkan pada masa ini.
- 3.5 IPT bebas untuk menentukan kadar perlindungan (*range of coverage*) bagi setiap item 3.3 (a) hingga (d) dengan mengambil kira faktor umur, negara asal pelajar, kos repatriasi ke negara asal dan sebagainya.
- 3.6 KPT menetapkan minimum premium yang dibayar oleh pelajar adalah **RM300.00 setahun**. KPT tiada halangan sekiranya pelajar yang berkemampuan memilih pakej insurans yang menawarkan kemudahan tambahan seperti perlindungan untuk keluarga, kanser dan sebagainya serta membayar premium tahunan yang lebih tinggi.
- 3.7 Perlindungan insurans untuk pelajar antarabangsa hendaklah efektif dari tarikh pendaftaran pelajar di IPT.

#### 4. TANGGUNG JAWAB INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

- 4.1 Semua IPT hendaklah memastikan bahawa:
  - (a) syarat-syarat kesihatan dimaklumkan kepada pelajar prospektif semasa mengiklankan kursus dan aktiviti promosi;
  - (b) pegawai IPT yang menguruskan visa memastikan pelajar telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan lulus kriteria yang ditetapkan sebelum mengesahkannya;
  - (c) kelulusan pas pelajar mana-mana pelajar antarabangsa yang tidak menjalani pemeriksaan kesihatan sepertimana yang disyaratkan digantung.
  - (d) syarikat atau agen insurans yang dilantik memenuhi panduan '*schedule of benefits*' seperti di **Lampiran D**.

#### 5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Disember 2008**.

## 6. PEMAKAIAN

- 6.1 Tertakluk kepada penerimaannya oleh badan penguat kuasa tempatan termasuk Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah dan Sarawak, garis panduan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi yang mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil pelajar antarabangsa.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK DR. ZULKEFLI BIN A. HASSAN )**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

Tarikh: 30 Oktober 2008